

HUBUNGAN ANTARA EFIKASI KENDIRI DAN KEMAHIRAN BELAJAR
DALAM KALANGAN PELAJAR KEJURUTERAAN

FADHILAH BINTI ABTHOLUDDIN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JANUARI 2013

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara tahap efikasi sendiri dan kemahiran belajar dalam kalangan pelajar kejuruteraan. Populasi kajian merupakan pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan UTHM. Sampel kajian telah dipilih dari kalangan pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar dan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan. Sampel bagi kajian ini ialah seramai 246 responden yang terdiri daripada 165 orang pelajar lelaki dan 81 orang pelajar perempuan iaitu daripada pelbagai peringkat tahun pengajian. Sampel yang dipilih merupakan persampelan secara rawak. Reka bentuk kajian ini merupakan kajian korelasi kerana ingin melihat hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah yang terlibat. Kajian ini berbentuk deskriptif dan dengan menggunakan instrumen Self-Efficacy and Study Skill atau SESS skala lima mata bagi mengukur tahap efikasi sendiri dan kemahiran belajar pelajar. Nilai pekali alpha Cronbach untuk konstruk efikasi sendiri adalah $\alpha = 0.88$ manakala bagi konstruk kemahiran belajar adalah $\alpha = 0.89$. Dapatan kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dari segi tahap efikasi sendiri. Pelajar perempuan dilihat mempunyai efikasi sendiri yang lebih tinggi dengan (min = 141.94) berbanding pelajar lelaki dengan (min = 114.45). Selain itu, didapati juga bahawa wujud hubungan korelasi positif yang kuat di antara tahap efikasi sendiri dan kemahiran belajar dalam kalangan pelajar kejuruteraan. Sebagai kesimpulan, hasil kajian menunjukkan bahawa sekiranya efikasi sendiri meningkat, maka kemahiran belajar juga akan turut meningkat.

ABSTRACT

The purpose of this study is to determine the relationship between self-efficacy and study skills among engineering students. The population of the study are the students from engineering degree program in UTHM. Samples have been selected among students from Mechanical degree program, Civil degree program and Electrical degree program. The samples of the study consist of 165 male students and 81 female students which become the total of 246 respondents from different level years of study. The sample chosen is random sampling. The research design for this study is using correlation in order to determine the relationship between variables. This descriptive study is using five scale Self-Efficacy and Study Skills (SESS) instrument. The scales use to determine the level of self-efficacy and study skill. The alpha Cronbach value for self-efficacy construct is $\alpha = 0.88$ while study skill construct is $\alpha = 0.89$. The finding shows a significant different between male and female students in self-efficacy construct. Female students show higher self-efficacy (mean = 141.94) than male students (mean = 114.45). Furthermore, there is a strong significant positive correlation between self-efficacy and study skills among engineering students. In conclusion, the results of the study indicate that study skill proportionally increase when self-efficacy increased or vice versa.



KANDUNGAN

| | | |
|--------------|--|-------------|
| | TAJUK | i |
| | PENGAKUAN | ii |
| | DEDIKASI | iii |
| | PENGHARGAAN | iv |
| | ABSTRAK | v |
| | KANDUNGAN | vii |
| | SENARAI JADUAL | xi |
| | SENARAI RAJAH | xii |
| | SENARAI SIMBOL/ SINGKATAN/ TATANAMA/ISTILAH | xiii |
| | SENARAI LAMPIRAN | xiv |
| BAB 1 | PENDAHULUAN | 1 |
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Latar belakang masalah | 4 |
| | 1.3 Pernyataan masalah | 5 |
| | 1.4 Objektif kajian | 6 |
| | 1.5 Persoalan kajian | 7 |
| | 1.6 Kepentingan kajian | 7 |
| | 1.7 Skop kajian | 8 |
| | 1.8 Limitasi | 8 |



| | | |
|--------------|---|-----------|
| 1.9 | Kerangka konseptual | 9 |
| 1.10 | Definisi operasi | 9 |
| | (i) Efikasi sendiri | 9 |
| | (ii) Pelajar | 10 |
| | (iii) Kemahiran belajar | 10 |
| 1.11 | Organisasi kertas cadangan | 10 |
| BAB 2 | KAJIAN LITERATUR | 11 |
| 2.1 | Pengenalan | 11 |
| 2.2 | Efikasi sendiri | 12 |
| 2.3 | Efikasi sendiri dan keperluan pendidikan | 14 |
| 2.4 | Efikasi sendiri dan hasil pembelajaran | 15 |
| 2.5 | Efikasi sendiri sebagai ramalan kepada hasil pembelajaran | 15 |
| 2.6 | Efikasi sendiri sebagai ramalan kepada hasil pembelajaran dalam kejuruteraan | 17 |
| 2.7 | Efikasi sendiri terhadap pencapaian pelajar | 17 |
| 2.8 | Kemahiran belajar | 22 |
| | 2.8.1 Kemahiran menulis nota | 23 |
| | 2.8.2 Kemahiran membuat rujukan | 23 |
| | 2.8.3 Kemahiran menghadapi peperiksaan | 24 |
| | 2.8.4 Kemahiran mengingat | 25 |
| 2.9 | Kesimpulan | 26 |
| BAB 3 | METODOLOGI KAJIAN | 27 |
| 3.1 | Pengenalan | 27 |
| 3.2 | Reka bentuk kajian | 28 |



| | | |
|--------------|--|-----------|
| 3.3 | Populasi dan sampel kajian | 28 |
| 3.4 | Instrumen kajian | 29 |
| 3.4.1 | Bahagian A: Latar belakang responden | 29 |
| 3.4.2 | Bahagian B: Tahap efikasi sendiri dan Kemahiran belajar | 30 |
| 3.5 | Kerangka operasi kajian | 31 |
| 3.6 | Analisis data | 33 |
| BAB 4 | ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN | 34 |
| 4.1 | Pengenalan | 34 |
| 4.2 | Analisis data | 35 |
| 4.3 | Latar belakang responden | 35 |
| 4.4 | Perbezaan tahap efikasi sendiri antara pelajar berlainan jantina | 39 |
| 4.5 | Perbezaan tahap kemahiran belajar pelajar berlainan jantina | 40 |
| 4.6 | Perbezaan antara tahap efikasi sendiri dan kemahiran belajar bagi pelajar berlainan fakulti | 41 |
| 4.7 | Hubungan antara efikasi sendiri dan kemahiran belajar dalam kalangan pelajar kejuruteraan | 44 |
| 4.8 | Kesimpulan | 47 |
| BAB 5 | PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN | 48 |
| 5.1 | Pengenalan | 48 |
| 5.2 | Perbincangan | 49 |
| 5.2.1 | Tahap efikasi sendiri antara pelajar berlainan jantina | 49 |



| | | |
|-------|---|----|
| 5.2.2 | Tahap kemahiran belajar antara pelajar berlainan jantina | 50 |
| 5.2.3 | Hubungan antara efikasi sendiri dan kemahiran belajar dalam kalangan pelajar kejuruteraan | 51 |
| 5.3 | Rumusan | 52 |
| 5.4 | Cadangan | 53 |
| 5.4.1 | Institusi pendidikan | 55 |
| 5.4.2 | Pelajar | 55 |
| 5.4.3 | Kajian lanjutan | 56 |
| 5.5 | Rumusan dan penutup | 57 |

| | | |
|--|----------------|-----------|
| | RUJUKAN | 59 |
|--|----------------|-----------|

| | | |
|--|-----------------|-----------|
| | LAMPIRAN | 65 |
|--|-----------------|-----------|



SENARAI JADUAL

| | | |
|------|--|----|
| 3.1 | Skala Likert lima mata | 30 |
| 3.2 | Jadual ringkas kaedah analisis data | 33 |
| 4.1 | Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina | 36 |
| 4.2 | Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut bangsa | 36 |
| 4.3 | Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut umur | 37 |
| 4.4 | Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut pencapaian akademik | 37 |
| 4.5 | Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut tahun pengajian | 38 |
| 4.6 | Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut fakulti | 39 |
| 4.7 | Min rank efikasi sendiri antara jantina | 40 |
| 4.8 | Keputusan ujian <i>Mann-Whitney U</i> bagi efikasi sendiri antara jantina | 40 |
| 4.9 | Min rank kemahiran belajar antara jantina | 41 |
| 4.10 | Keputusan ujian <i>Mann-Whitney U</i> bagi kemahiran belajar antara jantina | 41 |
| 4.11 | Min rank efikasi sendiri responden antara fakulti | 42 |
| 4.12 | Keputusan ujian <i>Kruskal Wallis</i> bagi efikasi sendiri responden antara fakulti | 42 |
| 4.13 | Min rank kemahiran belajar responden antara fakulti | 43 |
| 4.14 | Keputusan ujian <i>Kruskal Wallis</i> bagi kemahiran belajar responden antara fakulti | 43 |
| 4.15 | Keputusan koefisien korelasi Spearman antara efikasi sendiri, kemahiran belajar dan CGPA pelajar | 46 |
| 4.16 | Darjah hubungan yang ditunjukkan oleh saiz koefisien | 46 |



SENARAI RAJAH

| | | |
|-----|---|----|
| 1.1 | Kerangka konseptual kajian | 9 |
| 3.1 | Kerangka operasi kajian | 32 |
| 4.1 | Graf serakan bagi perkaitan efikasi sendiri dan kemahiran belajar dalam kalangan pelajar kejuruteraan | 45 |
| 5.1 | Model perkaitan antara Efikasi Kendiri dan Kemahiran Belajar dengan Pencapaian Akademik | 58 |



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SIMBOL/ SINGKATAN/TATANAMA/ISTILAH

| | | |
|----------|---|--|
| α | - | Alpha |
| r | - | Pekali Korelasi |
| p | - | Tahap Signifikan |
| ASC | - | <i>Academic Self-Confidence</i> |
| CGPA | - | Himpunan Purata Nilai Gred |
| GPA | - | Purata Nilai Gred |
| HSGPA | - | Skor Purata Nilai Gred Tertinggi |
| IPT | - | Institut Pengajian Tinggi |
| SESS | - | <i>Self Efficacy and Study Skills</i> |
| SPSS | - | <i>Statistical Packages for Social Science</i> |
| UTHM | - | Universiti Tun Hussein Onn Malaysia |



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

| | | |
|---|--------------------------------|----|
| A | Borang Soal Selidik | 64 |
| B | Pengesahan Borang Soal Selidik | 70 |
| C | Alpha Cronbach | 71 |
| D | Surat Kebenaran | 73 |
| E | Maklumat Demografi | 77 |
| F | Analisis Data | 79 |



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bidang kejuruteraan semakin hari semakin menjadi keperluan. Walau bagaimanapun, penyediaan graduan dalam bidang kejuruteraan masih tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan industri (Berita Harian, Oktober 2012). Kebanyakan pelajar yang memasuki program kejuruteraan di institusi pengajian tinggi tidak dapat mengekalkan tahap pencapaian yang memuaskan sebagai keperluan untuk menghabiskan program pengajian (Winter & Dodou, 2011). Kecemerlangan pelajar juga sering dikaitkan dengan keputusan yang baik disertai dengan usaha mereka yang bersungguh-sungguh untuk terus kekal cemerlang. Kecemerlangan tidak akan datang bergolek, ia hanya dapat dimiliki dengan usaha yang berterusan.

Antara cabaran pelajar masa kini ialah bukan sahaja mempunyai kecemerlangan akademik yang baik, malah perlu memperluaskan diri ke arah kecemerlangan kerjaya (Smith, 2002) yang seharusnya bermula pada awal tahun pengajian lagi dan bukannya semasa di akhir pengajian. Isu ini sering diperkatakan dan terdapat segelintir pelajar yang cemerlang dalam akademik tetapi kurang keyakinan diri untuk berhadapan dengan alam pekerjaan. Alat kaunseling diperlukan dan akan digunakan bagi pemilihan dan penyediaan kepada pelajar-pelajar untuk memilih bidang kejuruteraan. Namun, kajian yang dijalankan gagal untuk mengenal pasti alat kaunseling yang efektif dan komprehensif dalam penentuan pelajar-pelajar untuk menceburkan diri dalam bidang kejuruteraan dan seterusnya untuk menjadi jurutera yang produktif dalam industri dalam bidang masing-masing.

Secara khususnya, keputusan kajian ini boleh digunakan untuk menyediakan langkah yang boleh diambil sebagai ramalan prestasi pelajar dalam bidang kejuruteraan berdasarkan parameter yang diukur. Keyakinan terhadap diri sendiri dan kemahiran belajar menjadi pembolehubah untuk meramal prestasi akademik (GPA) pelajar-pelajar kejuruteraan. Selain itu, maklumat yang diperolehi daripada reka bentuk ini juga diramal dapat memberi peningkatan kepada keberkesanan penasihat akademik dan memberi pendedahan kepada pelajar untuk memilih bidang yang sesuai supaya mereka tidak berhenti di pertengahan jalan sebagai pelajar kejuruteraan.

Walaupun efikasi sendiri memberikan pengaruh yang penting terhadap tingkah laku, namun masih terdapat faktor lain yang terlibat. Tingkah laku mempunyai perkaitan dengan banyak pembolehubah. Beberapa pembolehubah yang diambil kira adalah termasuk kemahiran, jangkaan hasil dan nilai daripada sesuatu hasil (Schunk, 1991). Apabila kekurangan dalam keperluan kemahiran, efikasi sendiri tidak dapat menghasilkan prestasi yang baik.

Oleh kerana efikasi sendiri adalah bersifat khusus, ianya mustahil untuk membincangkan efikasi sendiri secara umum atau global. Sebagai contoh, seorang pelajar mungkin memiliki efikasi sendiri yang tinggi terhadap keupayaannya dalam perkembangan sosial tetapi mempunyai efikasi yang rendah dari segi keupayaan untuk berjaya dalam akademik. Oleh itu, efikasi sendiri akan dibincangkan dalam istilah efikasi sendiri pelajar kejuruteraan dari segi prestasi akademik mereka. Istilah ini bertujuan untuk menggambarkan efikasi sendiri yang dipercayai penting kepada pelajar-pelajar kejuruteraan. Dalam kajian ini, perkaitan antara efikasi sendiri dan kemahiran belajar pelajar dikaji berdasarkan jantina pelajar.

Jangkaan efikasi sendiri terbentuk daripada teori kognitif sosial yang memberi kesan kepada empat sumber utama yang berinteraksi dengan manusia secara semula jadi. Menurut Bandura (1997) sumber-sumber tersebut adalah pengalaman vikarius, pencapaian persembahan individu, pemujukan secara lisan dan kebangkitan emosi dan fisiologi yang akan diuraikan seperti berikut:

- i) Penguasaan Pengalaman (Mastery Experiences): Mempunyai pengetahuan asas di samping kemahiran dan keperluan kepada pengalaman untuk mencapai sesuatu matlamat dan melengkapkan tugas dengan jayanya.
- ii) Pengaruh Sosial (Social Persuasion): Merujuk kepada pengaruh secara terang

terangan atau secara rahsia. Bradburn (1995) mendapati sebahagiannya terdapat perbezaan efikasi sendiri di antara lelaki dan perempuan disebabkan oleh kepercayaan yang negatif seperti pernyataan yang menunjukkan perempuan tidak dapat melakukan sesetengah perkara dan menunjukkan tanda-tanda kebimbangan.

- iii) Pengalaman Vikarius (Vicarious Experience): Terjadi apabila pengalaman seseorang daripada penglibatan atau pemerhatian orang lain dalam melaksanakan tugas. Keupayaan pengalaman vikarius memberi kesan positif kepada efikasi sendiri seseorang yang bergantung kepada keupayaan dan kebolehan keadaan individu tersebut.
- iv) Keadaan Fisiologi (Physiological State): Penyelidikan yang paling jelas mengenai keadaan fisiologi terutamanya dari segi kebimbangan. Efikasi sendiri yang rendah akan menunjukkan kebimbangan yang tinggi.

Konsep efikasi sendiri diperluaskan lagi oleh Bandura dan rakan-rakan kepada domain terhadap kejaya. Hasil yang diperolehi mendapati konsep ini banyak digunakan dalam kajian sikap terhadap kejaya (Betz, 2000). Setelah menjangkau beberapa abad, teori efikasi sendiri Bandura ini telah digunapakai untuk dijadikan panduan dalam melihat keyakinan keupayaan seseorang itu melakukan tugas dengan baik. Bandura dapat mengenal pasti fungsi manusia mungkin bergantung kepada kapasiti kognitif (Bandura, 1997; Bandura, 1986).



1.2 Latar belakang masalah

Pencapaian akademik yang baik merupakan perkara yang sangat penting kepada seseorang pelajar. Pencapaian akademik yang rendah akan memberi kesan negatif terhadap pelajar dan institusi pendidikan dalam jangka panjang. Kegagalan mahasiswa menyesuaikan diri dengan cara pengajaran dan pembelajaran di universiti, boleh membawa kepada kemerosotan pencapaian akademik. Di samping itu, mahasiswa perlu mempunyai gaya pembelajaran yang betul (Abu, 2003). Ramai pelajar yang kurang berjaya, gagal mencapai keputusan cemerlang mengakui diri mereka kekurangan pengetahuan dalam kemahiran belajar dan tiada keyakinan untuk melakukan sesuatu yang baru.

Pencapaian pelajar boleh dikaitkan dengan pelbagai faktor seperti latar belakang, intelek, sikap, minat dan motivasi pelajar (Crow dan Crow, 1993). Perbezaan individu berkaitan dengan faktor di atas akan mempengaruhi kemampuan pelajar dalam menerima, memahami dan menguasai pengajaran yang disampaikan. Pelajar yang berprestasi rendah adalah berbeza dari segi gaya pembelajaran jika dibandingkan dengan pelajar berprestasi tinggi (Collinson, 2000).

Kajian yang dijalankan berkaitan kesan efikasi sendiri dengan pencapaian pelajar (Zokina dan Nalbone, 2003; Stolz, 1999; Weinberg 1985) yang kebanyakannya tertumpu di negara Barat dan ini menunjukkan masih lagi kekurangan maklumat dari segi kajian terhadap efikasi sendiri yang mengkhususkan kepada pelajar kejuruteraan terutamanya di Malaysia. Terdapat kajian yang dilakukan terhadap efikasi sendiri pelajar kejuruteraan yang mana tertumpu kepada pelajar perempuan sahaja (Marra *et al.*, 2009; Marra dan Bogue, 2006). Selain itu, kajian lain yang dilakukan adalah untuk melihat ketetapan pelajar kejuruteraan untuk kekal berada dalam bidang kejuruteraan ataupun berhenti sebelum bergelar graduan (Landry, 2003). Hanya beberapa kajian sahaja yang dijalankan untuk melihat hubungan antara pembolehubah psikologi dengan pencapaian akademik pelajar kejuruteraan (Alias dan Mohd. Hafir, 2009; Huang, 2003).

Kajian menunjukkan untuk lebih berjaya, pelajar perlu didedahkan dengan pelbagai model dan teknik pembelajaran walaupun perkara ini kurang ditekankan oleh guru mahupun pensyarah (Abdul Karim, 2003). Ini mungkin disebabkan oleh

sistem pendidikan di Malaysia lebih memfokuskan kepada peperiksaan dan kurang memberi penekanan kepada aspek motivasi dan kemahiran belajar yang betul.

Kajian lain menunjukkan bahawa prestasi pembelajaran boleh ditingkatkan sekiranya terdapat gabungan dalam gaya pembelajaran pelajar dan aspek sendiri (Doolan & Honigsfield, 2000). Keyakinan dan kemampuan pelajar memberi pendapat atau berinteraksi dalam bilik darjah berkait rapat dengan konsep sendiri mereka. Menurut Coyle (1993), kemampuan komunikasi interpersonal akan mempengaruhi konsep sendiri seseorang individu. Cara seseorang individu berinteraksi akan memberi persepsi tertentu kepada orang lain terhadap dirinya. Sekiranya unsur-unsur yang bersifat sendiri ini dapat diterapkan dalam diri pelajar akan memberi peluang kepada pelajar tersebut untuk menjadi lebih yakin dan mampu menunjukkan prestasi yang baik dalam apa jua yang dilakukan.

1.3 Pernyataan masalah

Satu daripada cabaran dalam pendidikan di institusi pengajian di Malaysia ialah pencapaian akademik pelajar. Hal ini adalah kerana polisi dalam bidang pendidikan memerlukan graduan yang mempunyai kualiti yang tinggi dalam bidang pengajian mereka. Ini didasarkan kepada penilaian untuk kemasukan ke universiti yang semakin tinggi berbanding beberapa dekad yang lalu. Walau bagaimanapun, tidak semua pelajar boleh mencapai tahap pencapaian tertentu. Seringkali timbul pelbagai isu berhubung dengan pencapaian pelajar. Kepercayaan terhadap efikasi sendiri ini dapat mempengaruhi individu untuk menjadi lebih komited dalam melaksanakan sesuatu tingkah laku dengan jayanya untuk mendapat hasil yang diinginkan. Kebiasaannya pengajian kejuruteraan adalah satu bidang yang banyak didominasi oleh kaum lelaki dengan populasi tipikal adalah 70% pelajar lelaki dan 30% pelajar perempuan dalam institusi pengajian tinggi terutamanya di institusi teknikal (Mohd. Taha, Halid & Nasbah, 2011). Tetapi berlainan pula dengan keadaan di Malaysia iaitu penglibatan kaum wanita dalam bidang kejuruteraan hampir sama bilangannya dengan kaum lelaki. Hal ini dipengaruhi oleh efikasi sendiri dan kemahiran belajar seseorang pelajar tersebut. Mempelajari kemahiran belajar yang sesuai juga merupakan masalah yang sering dihadapi oleh pelajar yang ingin mencapai kejayaan



yang cemerlang terutamanya pelajar dalam bidang kejuruteraan. Pelajar selalu menghadapi masalah untuk mencatat nota, merancang kerja, mengagihkan masa untuk belajar dan selalu tidak sempat habis membaca nota semasa membuat persediaan untuk peperiksaan. Memandangkan efikasi sendiri dan kemahiran belajar adalah dua faktor yang sering dikaitkan dengan kejayaan akademik pelajar secara umumnya, maka tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap efikasi sendiri dan kemahiran belajar pelajar kejuruteraan mengikut jantina. Dapatan kajian ini dijangkakan dapat meningkatkan kefahaman tentang faktor yang boleh menyumbang kepada pencapaian prestasi pelajar dalam kalangan pelajar kejuruteraan.

1.4 Objektif kajian

- i) Untuk mengenal pasti perbezaan tahap efikasi sendiri antara pelajar berlainan jantina.
- ii) Untuk mengenal pasti perbezaan tahap kemahiran belajar antara pelajar berlainan jantina.
- iii) Untuk mengenal pasti perbezaan antara tahap efikasi sendiri dan tahap kemahiran belajar pelajar berlainan fakulti.
- iv) Untuk mengenal pasti hubungan antara efikasi sendiri dan kemahiran belajar dalam kalangan pelajar kejuruteraan.



1.5 Persoalan kajian

Persoalan bagi kajian ini adalah:

- i) Adakah terdapat perbezaan tahap efikasi sendiri antara pelajar berlainan jantina?
- ii) Adakah terdapat perbezaan tahap kemahiran belajar antara pelajar berlainan jantina?
- iii) Adakah terdapat perbezaan antara tahap efikasi sendiri dan tahap kemahiran belajar pelajar berlainan fakulti?
- iv) Adakah terdapat hubungan antara efikasi sendiri dan kemahiran belajar dalam kalangan pelajar kejuruteraan?

1.6 Kepentingan kajian.

Penyelidikan ini bertujuan mengenal pasti hubungan antara efikasi sendiri dan kemahiran belajar antara jantina dalam kalangan pelajar kejuruteraan. Dapatan kajian bagi penyelidikan ini dapat memberi maklumat kepada pihak universiti dan secara khususnya kepada pensyarah untuk menyediakan proses pengajaran dan pembelajaran supaya lebih menarik. Ini dapat memberi persediaan kepada pihak tertentu untuk mengambil langkah awal bagi meningkatkan lagi pencapaian akademik pelajar bidang kejuruteraan.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.7 Skop kajian

Dalam kajian ini, skop kajian yang ditetapkan hanya untuk melihat hubungan antara efikasi sendiri dan kemahiran belajar antara jantina dalam kalangan pelajar kejuruteraan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Kajian ini dijalankan secara rawak ke atas pelajar-pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan dan Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.

1.8 Limitasi

Limitasi bagi kajian ini ialah:


- i) Terdapat beberapa personaliti diri. Tetapi bagi kajian ini, penyelidik hanya menumpukan personaliti diri bagi efikasi sendiri dan kemahiran belajar untuk melihat hubungan antara kedua-dua pembolehubah tersebut dalam kalangan pelajar kejuruteraan.
- ii) Sampel bagi kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar kejuruteraan sahaja. Oleh itu, kajian ini tidak dapat mewakili untuk semua jenis kursus.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

1.9 Kerangka konseptual

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian. Efikasi Kendiri dan Kemahiran Belajar menjadi pembolehubah bebas manakala jantina menjadi pembolehubah bersandar.



Rajah 1.1. Kerangka konseptual kajian

Melalui kerangka konsep yang telah dibuat, pengkaji hanya membatasi kepada dua pembolehubah sahaja untuk melihat perkaitan antara kedua-dua pembolehubah tersebut dengan jantina pelajar.

1.10 Definisi operasi

(i) Efikasi sendiri

Bagi kajian ini, efikasi sendiri merujuk kepada skor Skala Efikasi daripada Self-Efficacy and Study Skills (SESS) Questionnaire. Skor tinggi menunjukkan efikasi sendiri tinggi dan skor rendah menunjukkan efikasi sendiri rendah.

(ii) Pelajar

Pelajar merupakan mereka yang sedang atau dalam keadaan belajar. Dalam kajian ini, pelajar merujuk kepada pelajar kejuruteraan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

(iii) Kemahiran belajar

Kemahiran belajar merujuk kepada kemahiran mencatat nota, merancang kerja dan mengagihkan masa untuk belajar. Kemahiran belajar bagi kajian ini merujuk kepada skor dari skala Kemahiran Belajar iaitu skor yang tinggi menunjukkan kemahiran belajar yang tinggi dan skor rendah adalah sebaliknya.

1.11 Organisasi kertas cadangan

Bahagian ini menyediakan pengenalan kepada pembolehubah yang terlibat dan maklumat kepada matlamat kajian dijalankan. Pernyataan masalah dinyatakan dengan jelas dalam bahagian ini. Juga terdapat hipotesis dan persoalan kajian. Limitasi bagi kajian ini turut dinyatakan dengan jelas.



BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Bab kedua dalam laporan kajian ini adalah berkaitan kajian literatur yang membincangkan tentang perkara-perkara yang perlu dilakukan dalam menjalankan kajian ini. Kajian literatur ini perlu dilaksanakan agar pemahaman pengkaji terhadap apa yang hendak dikaji dapat dikupas dengan lebih jelas dan mendalam lagi. Selain itu, kajian literatur juga merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan maklumat, di samping membuka ruang dan peluang kepada pengkaji untuk mengenalpasti masalah yang berlaku dengan lebih terperinci.



2.2 Efikasi sendiri

Efikasi sendiri adalah kepercayaan seseorang terhadap kebolehnya untuk melaksanakan sesuatu tingkah laku yang dikehendaki dengan jayanya (Bandura, 1977). Apabila seseorang itu memiliki keyakinan yang tinggi untuk menjalankan sesuatu tugas yang diberikan kepadanya. Oleh itu, kepercayaan terhadap efikasi sendiri ini sangat berguna bagi memahami dan meramal (Betz & Hackett, 1988). Schwarzer (1992) pula mendefinisikan efikasi sendiri sebagai kepercayaan individu terhadap kebolehnya melaksanakan tugas yang baru dan sukar atau berkeupayaan menghadapi kesukaran dalam pelbagai domain kehidupan. Bandura (2000) mendefinisikan efikasi sendiri sebagai kepercayaan seseorang terhadap kebolehan diri untuk menggerakkan sumber kognitif, motivasi dan cara yang dianggap sesuai dan perlu dengan kehendak tugas. Secara umumnya, efikasi sendiri boleh dibahagi kepada dua kategori iaitu efikasi sendiri tinggi dan efikasi sendiri rendah. Pelajar yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi akan menumpukan perhatian kepada pembelajarannya walaupun mengambil jurusan yang sukar khususnya dalam bidang kejuruteraan. Hal ini berbeza dengan pelajar yang mempunyai efikasi sendiri yang rendah. Walaupun pada awalnya mereka telah memilih bidang kejuruteraan sebagai bidang ingin diceburi di institusi pengajian tinggi, namun mereka tidak menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dalam tempoh pengajian mereka.

Bandura (1995) menjelaskan efikasi sendiri sebagai kepercayaan kepada keupayaan seseorang untuk mengorganisasi dan melaksanakan aksi yang dikehendaki untuk menangani pelbagai situasi. Prinsip asas teori efikasi sendiri ialah pencapaian dan motivasi individu ditentukan oleh kepercayaan terhadap diri sendiri (Bandura, 1982). Individu lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang mereka mempunyai efikasi sendiri yang tinggi berbanding dengan aktiviti lain (Van der Bill & Shortridge-Baggett, 2002). Efikasi sendiri menyediakan asas kepada motivasi manusia, kesejahteraan dan pencapaian peribadi. Hal ini disebabkan oleh individu itu sendiri mempunyai insentif yang tinggi untuk menghadapi cabaran dan dapat menjana hasil yang diinginkan apabila individu tersebut diberi kepercayaan.

Menurut Pajares (1996), efikasi sendiri atau kepercayaan terhadap kebolehan diri sendiri telah dipelopori oleh Bandura (1977). Di awalnya, Bandura telah membawa perubahan baru dengan memperkenalkan *'Self efficacy: Toward a*



Unifying Theory of Behavioral Change'. Kemudian Bandura membuat penerokaan dengan lebih mendalam dengan menerbitkan satu teori yang berkaitan dengan faktor sosio-kognitif terhadap peraturan sendiri dan pencapaian iaitu '*Self Efficacy: The Exercise of Control*' (Pajares, 1996). Bandura (1997) menggunakan istilah efikasi sendiri untuk merujuk kepada keupayaan seseorang dalam mengatur dan melaksanakan sesuatu tugas untuk memperoleh pencapaian yang diinginkan. Selain itu, Bandura turut menyatakan bahawa efikasi sendiri merupakan faktor utama dalam diri manusia. Keyakinan terhadap efikasi sendiri mempengaruhi perkara-perkara berikut:

- (i) Tindakan seseorang untuk meneruskan sesuatu dalam pemilihan.
- (ii) Berapa banyak usaha yang diperuntukkan untuk mencapai sesuatu.
- (iii) Berapa lama kegigihan dan ketekunan mereka dapat bertahan semasa menghadapi rintangan dan kegagalan.
- (iv) Daya tahan mereka semasa dalam kesulitan.
- (v) Berapa banyak tekanan dan kemurungan yang mereka alami untuk memenuhi keperluan persekitaran.

Menurut Gecas (2004), manusia cenderung untuk bertindak mengikut kepercayaan awal sendiri dan efikasi sendiri berfungsi sebagai ramalan sempurna sendiri dalam keadaan ini. Sebagai contoh, seorang pekerja A mempunyai keupayaan yang tinggi dan banyak pengalaman, tetapi tidak mempunyai keyakinan bahawa dia boleh menghasilkan graf yang berkualiti untuk satu persidangan penting syarikat. Pekerja B hanya mempunyai keupayaan yang sederhana dan kurang pengalaman dalam menghasilkan graf tetapi dia mempunyai keyakinan untuk menghasilkan graf yang berkualiti untuk persidangan tersebut sekiranya dia berusaha. Disebabkan efikasi sendiri pekerja A yang tinggi, maka dia mempunyai motivasi walaupun sedikit dan berusaha untuk menghasilkan graf yang berkualiti untuk persidangan syarikat dan seterusnya mendapat kenaikan pangkat. Secara amnya, penilaian efikasi diukur dalam dua skala asas iaitu magnitud dan kekuatan. Magnitud efikasi sendiri adalah pengukuran tahap kesukaran bahawa individu itu merasakan perlu untuk menyempurnakan sesuatu tugas seperti mudah, sederhana atau sukar (Van der Bill & Shortbridge-Bagget 2002).



2.3 Efikasi sendiri dan keperluan pendidikan

Teori efikasi sendiri Bandura tertumpu kepada kepercayaan terhadap keupayaan untuk berjaya dalam tugas dan keyakinan seseorang individu. Konsep ini telah digunakan untuk pelbagai domain daripada rawatan kepada masalah fobia sehingga kepada perkara seperti pemilihan kerjaya dan pencapaian akademik pelajar.

Lent *et al.*, (1996) menjalankan kajian ke atas 28 pelajar lelaki dan 14 pelajar perempuan mengenai hubungan antara efikasi sendiri dan ketekunan pelajar untuk menamatkan pengajian dalam bidang sains dan kejuruteraan. Keputusan menunjukkan jangkaan efikasi sendiri yang tinggi akan menyebabkan mereka kekal untuk menamatkan pengajian dalam kejuruteraan berbanding mereka yang rendah efikasi kendirinya.

Menurut teori kognitif sosial Bandura, individu memiliki sistem sendiri yang membolehkan mereka melakukan pengukuran kawalan ke atas pemikiran, perasaan, motivasi dan tindakan mereka. Daripada kajian yang dibuat, didapati keyakinan efikasi sendiri boleh dijadikan ramalan yang baik untuk meramal prestasi akademik bagi pelajar kejuruteraan (Bandura, 1986).



2.4 Efikasi sendiri dan hasil pembelajaran

Hasil pembelajaran boleh dilabelkan secara meluas kepada dua kategori iaitu kognitif dan afektif. Hasil kognitif adalah keperluan pengetahuan dan kemahiran yang sebenar. Manakala hasil afektif adalah perubahan konsep sendiri. Penerapan keyakinan terhadap efikasi sendiri ini mempunyai kesan yang positif ke atas kedua-dua hasil tersebut. Bandura mencadangkan bahawa individu yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi akan mempamerkan kebimbangan yang rendah di samping menunjukkan cara kerja dan tumpuan yang lebih baik. Bandura turut mencadangkan teori efikasi sendiri jika digabungkan dengan analisis perilaku prestasi pelajar dapat meningkatkan hasil pembelajaran.

2.5 Efikasi sendiri sebagai ramalan kepada hasil pembelajaran

Efikasi sendiri merupakan peramal yang paling efektif dalam menentukan hasil prestasi seseorang dan telah dibuktikan melalui kajian terdahulu (Bruch, Chesser & Meyer, 1989). Lent *et al.*, (1986) melaporkan efikasi sendiri dalam akademik adalah peramal yang baik untuk menunjukkan prestasi pencapaian pelajar. Bagi pelajar yang positif dalam akademik iaitu mempunyai efikasi sendiri yang tinggi akan mengharapkan gred yang tinggi dalam peperiksaan dan mengharapkan kualiti kerja mereka sebagai manfaat. Manakala pelajar dengan efikasi sendiri yang rendah menunjukkan yang sebaliknya. Pelajar yang tidak pasti dengan keupayaan akademik mereka membayangkan pencapaian yang rendah sebelum memulakan peperiksaan (Lent *et al.*, 1986).

Bandura berpendapat hasil daripada jangkaan manusia sangat bergantung kepada penilaian yang akan mereka perolehi. Dengan pencapaian yang cemerlang, ini akan melayakkan individu tersebut memasuki universiti dan seterusnya akan menjamin kerjaya yang bagus dan kehidupan yang lebih sempurna. Sebaliknya jika mereka mempunyai efikasi sendiri yang rendah dalam sesuatu matapelajaran, mereka mungkin akan mengelakkan diri daripada mengambil kursus tertentu atau mungkin tidak akan memohon untuk ke pusat pengajian tinggi.

Beberapa ahli teori mengakui kepentingan teori efikasi sendiri dalam memberi pemahaman dan ramalan kepada tingkah laku kerja yang relevan seperti pencapaian akademik. Teori efikasi sendiri didapati lebih kuat daripada sistem teoritikal alternatif dalam menerangkan dan meramal pembolehubah prestasi akademik di kalangan pelajar kolej (Lent *et al.*, 1987).

Sebaliknya Bandura telah mengingatkan para penyelidik yang cuba untuk meramal pencapaian akademik dari sudut keyakinan efikasi sendiri pelajar iaitu untuk meningkatkan ketepatan ramalan, mereka akan dinasihatkan untuk mengikut spesifikasi teori mengenai penilaian efikasi sendiri dan keberkesanannya berdasarkan penyesuaian kriteria tugas. Peringatan ini sering diabaikan dalam penyelidikan pendidikan sehingga menghasilkan penilaian efikasi sendiri yang mencerminkan persepsi diri secara umum terhadap kesediaan dan menunjukkan hanya sedikit persamaan kepada perbandingan kriteria tugas mereka. Keputusan yang didapati sering diragui dan samar-samar dan penemuan ini mengelirukan pemahaman efikasi sendiri yang menyumbang kepada prestasi akademik (Bandura, 1986).

Ramai penyelidik telah menilai secara umum kompetensi persepsi sendiri akademik. Pajares (1996) mencadangkan penilaian domain khusus seperti menyoal pelajar untuk mengenalpasti keyakinan mereka untuk belajar matapelajaran matematik atau penulisan adalah lebih jelas untuk diramal berbanding penilaian kepada matapelajaran umum yang lain. Oleh itu, perkembangan penyelidikan yang berkaitan keyakinan efikasi sendiri terhadap pencapaian akademik dapat dihasilkan.



2.6 Efikasi sendiri sebagai ramalan kepada hasil pembelajaran dalam kejuruteraan

Kajian mengenai efikasi sendiri sebelum ini banyak tertumpu kepada penyiasatan daripada perkaitan umum efikasi sendiri kerja sehingga efikasi sendiri terhadap pertimbangan pelajar dalam pemilihan kerja. Walau bagaimanapun, penyelidik telah berpindah untuk mengkaji kaitan antara efikasi sendiri dengan perkembangan pendidikan dan pencapaian pelajar dalam sesuatu bidang.

Lent, Brown & Larkin (1984) menjalankan kajian pertama yang menghubungkan efikasi sendiri kerjaya dengan prestasi akademik dalam bidang kejuruteraan. Hasil mendapati kajian tersebut didukung oleh faedah konstruk efikasi sendiri. Menurut Lent *et al.* lagi, berdasarkan keyakinan pelajar dalam keupayaan mereka untuk menamatkan pengajian dalam pelbagai bidang sains dan kejuruteraan prestasi mereka boleh diramal kelak. Pelajar yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi secara umumnya mendapat keputusan yang cemerlang dan mengambil keputusan untuk terus kekal dalam bidang kejuruteraan berbanding mereka yang mempunyai efikasi sendiri yang rendah (Lent *et al.*, 1984).

2.7 Efikasi sendiri terhadap pencapaian pelajar

Kajian oleh Huang (2003), mendapati bahawa prestasi pencapaian dalam kalangan pelajar kejuruteraan dipengaruhi oleh beberapa faktor. Faktor yang terlibat adalah seperti kepercayaan efikasi sendiri kerjaya, skor SAT matematik, skor purata nilai gred yang tinggi (HSGPA) dan minat dalam bidang vokasional. Beliau mendapati faktor bagi skor SAT matematik merupakan penyumbang terbesar kepada pemilihan pelajar untuk menceburi bidang kejuruteraan. Selain itu, min skor bagi efikasi sendiri lebih tinggi berbanding minat dalam bidang vokasional. Kedua-dua pembolehubah tersebut menunjukkan hubungan yang kuat dengan skor purata nilai gred yang tinggi (HSGPA) dengan nilai ($r = .731$) bagi efikasi sendiri dan ($r = .681$) bagi minat dalam bidang vokasional. Nilai beta (β) yang hampir 50% menunjukkan efikasi sendiri merupakan peramal yang kuat bagi pencapaian prestasi akademik. Walau



bagaimanapun, kedua-dua faktor iaitu efikasi sendiri dan minat dalam bidang vokasional merupakan faktor yang penting sebagai peramal prestasi pencapaian akademik pelajar.

Kajian oleh Alias dan Mohd. Hafir (2003) yang mencari perkaitan antara keyakinan diri dalam akademik dengan pencapaian kognitif dalam kalangan pelajar kejuruteraan mendapati bahawa pelajar yang diberikan rangsangan positif menunjukkan nilai akademik (ASC) yang tinggi berbanding kumpulan yang diberikan rangsangan negatif. Terdapat perbezaan yang signifikan di antara kedua-dua kumpulan tersebut. Oleh itu, jelaslah bahawa sekiranya pelajar mempunyai motivasi dan kepercayaan yang tinggi terhadap kebolehnya, maka ini akan mendorong pelajar tersebut memperoleh pencapaian yang lebih baik.

Mahyuddin (2006) telah membuat kajian untuk melihat perbezaan jangkaan efikasi sendiri kerjaya pelajar mengikut faktor jantina dan status sosio ekonomi. Kajian ini juga cuba meneliti perbezaan pengaruh jangkaan efikasi sendiri ke atas kecenderungan pelajar-pelajar lelaki dan wanita dalam memilih kerjaya tradisional dan kerjaya bukan tradisional. Sampel kajian adalah pelajar-pelajar yang sedang mengikuti ijazah pertama di sebuah universiti antarabangsa. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan secara signifikan dalam jangkaan efikasi sendiri kerjaya berhubung dengan kerjaya tradisional dan bukan tradisional. Pelajar-pelajar wanita dan pelajar-pelajar daripada status sosio ekonomi tinggi menunjukkan efikasi sendiri kerjaya yang tinggi untuk kedua-dua kerjaya tersebut.

Kajian oleh Gibson & Dembo (1984) dan Enochs & Riggs (1990), menunjukkan bahawa guru yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi akan menumpukan perhatian kepada keperluan para pelajarnya, dapat membantu pelajar yang menghadapi masalah dalam pelajar yang bertindak memuji para pelajar yang berjaya menjalankan tugas. Ini berbeza dengan guru yang rendah efikasi kendirinya. Para guru tersebut dikatakan tidak menggunakan masa yang diperuntukkan secara optima untuk mengajar bidang yang mereka rasakan kurang berkemahiran dan mempunyai tahap kesabaran yang kurang apabila para pelajarnya tidak memahami pengajaran. Para guru ini juga dikatakan lebih gemar memberi komen terhadap kegagalan anak muridnya.

Pencapaian akademik tidak diukur berdasarkan kepada gred dalam peperiksaan sahaja tetapi melalui beberapa kaedah penilaian yang lain. Penilaian mungkin berdasarkan kecekapan dan keupayaan membuat tugas dalam tempoh



tertentu. Keupayaan dalam membuat tugas juga boleh mempengaruhi pencapaian gred keseluruhan. Satu sikap yang wujud di kalangan pelajar ialah sikap bertanggung dalam membuat sesuatu tugas. Kajian di Amerika Syarikat mendapati 50 peratus pelajar Sarjana Muda menghadapi masalah penangguhan tugas mereka sehingga dianggap sebagai masalah serius (Haycock dan McCarthy, 1998).

Manakala kajian oleh Wesley (1994) dipetik daripada Haycock dan McCarthy (1998) mendapati penangguhan menjadi punca kepada kemerosotan gred purata di kolej. Ini menyumbang kepada kegagalan pelajar untuk menyiapkan disertasi mereka. Sikap bertanggung dipengaruhi oleh banyak faktor seperti kepercayaan yang tidak rasional, harga diri, optimisme, tidak mengguna masa dengan baik dan malas. Kebimbangan dan efikasi sendiri juga mempengaruhi sikap bertanggung. Haycock dan McCarthy membuat hipotesis bahawa jangkaan efikasi adalah peramal yang kuat kepada sikap bertanggung. Dengan menggunakan korelasi Zero-order, Haycock dan McCarthy (1998) mendapati penangguhan berkaitan dengan efikasi sendiri mempunyai hubungan yang songsang iaitu $r = -40$, bagi efikasi kumulatif $r = -50$ dan purata kekuatan efikasi $r = -39$.

Kekuatan efikasi sendiri merujuk kepada jumlah keyakinan yang dimiliki oleh individu mengenai pencapaiannya dalam pelbagai tahap kesukaran (Van der Bijl & Shortbridge-Bagget, 2002). Bandura (1977) menyatakan empat sumber maklumat yang digunakan oleh individu untuk menilai efikasi sendiri iaitu hasil prestasi, pengalaman vikarius, pujukan secara lisan (verbal persuasion) dan maklum balas fisiologi. Komponen-komponen tersebut membantu untuk menentukan sama ada individu mempercayai bahawa mereka mempunyai keupayaan untuk menyempurnakan tugas tertentu. Williams dan Williams (2010) menyatakan bahawa “individu yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi akan menerima tugas yang sukar sebagai satu cabaran untuk dikuasai dan bukannya sebagai ancaman yang perlu dielakkan”. Menurut Bandura (1977), individu yang mengalami pengalaman sendiri dan cara persepsi individu tersebut terhadap maklum balas fisiologi akan mempengaruhi efikasi sendiri. Sebagai contoh, maklum balas fisiologi ialah dengan memberikan ucapan di khalayak ramai, membuat pembentangan di hadapan klien, mengambil peperiksaan dan sebagainya. Kesemua tugas tersebut boleh menimbulkan rasa gelisah, resah dan tapak tangan akan berpeluh dan pecutan degupan jantung menjadi kuat (Redmond, 2010). Sekiranya seseorang individu berasa lebih selesa dengan tugasannya, dia akan berasa lebih berkemampuan dan



mempunyai efikasi sendiri yang lebih tinggi. Hal ini seterusnya akan menghilangkan rasa gelisah dan resah untuk melakukan sesi pembentangan. Berdasarkan kepada kajian Mahyuddin *et al.*, (2006) mendapati bahawa terdapat hubungan yang kuat antara efikasi sendiri dan pencapaian bahasa inggeris.

Dalam proses pembelajaran khususnya yang berkaitan dengan pencapaian akademik, sejak dari awal lagi tumpuan teori efikasi menjurus kepada kaitannya dengan pelajar. Menurut Bandura (1997) dan Bandura (1982), pelajar yang percaya mereka tidak mampu menghadapi keperluan persekitaran akan cenderung untuk memfokuskan ketidakcekan mereka dan membesar-besarkan potensi kesukaran. Sebaliknya, pelajar yang mempunyai efikasi yang tinggi lebih cenderung untuk memberi perhatian terhadap tanggungjawab mereka dan akan meminimumkan kesukaran. Selain itu, efikasi juga sering dikaitkan dengan motivasi dalam proses pembelajaran. Schunk (1990) menyatakan keyakinan kepada efikasi untuk mencapai kejayaan di sekolah boleh membantu pelajar untuk berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tanggungjawab mereka dalam proses pembelajaran. Kepercayaan efikasi ini menunjukkan kesan ke atas motivasi melalui penetapan matlamat dan akan mempengaruhi matlamat yang akan diteruskan. Jika individu itu mempunyai efikasi dalam sesuatu bidang yang berkaitan, individu tersebut akan menetapkan matlamat yang tinggi dan akan tetap meneruskannya walaupun terpaksa menghadapi kesukaran. Manakala bagi individu yang mempunyai efikasi yang rendah akan mengelak daripada tugas tersebut atau mengambil mudah sekiranya timbul sebarang masalah (Bandura, 1993; Zimmerman, Bandura & Martin Pons, 1992). Ini pernah dibuktikan melalui penelitian yang dibuat ke atas 25 kajian melibatkan kanak-kanak di bawah 16 tahun yang menunjukkan efikasi secara konsisten yang menjadi ramalan kepada usaha, ketekunan dan kejayaan (Philipchalk, 1995).

Kajian hubungan efikasi sendiri dengan pencapaian akademik telah banyak dilakukan meliputi semua peringkat pendidikan iaitu di peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi seperti oleh Schunk (1985) dan William (1996). Hasil kajian mereka mendapati efikasi sendiri mempunyai peranan dalam pencapaian akademik. Multon dan rakan (1991) telah menjalankan ujian meta analisis terhadap efikasi sendiri dan kejayaan akademik terhadap 39 subjek. Didapati kepercayaan terhadap efikasi mempunyai kaitan dengan pencapaian dan ketekunan dalam suasana akademik yang berbeza. Pelajar yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi akan



lebih tekun berusaha berbanding mereka yang tidak mempunyai keyakinan (Philipchalk, 1995). Menurut Bandura (1993); Pintrich & Groot (1990); Schunk (1994), pelajar yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi di sekolah lebih cenderung untuk mencapai keputusan cemerlang dalam bidang akademik.

Thomas (1987) yang mengkaji hubungan antara proses ulangkaji, efikasi sendiri dan pencapaian akademik mendapati efikasi sendiri menjadi pembolehubah peramal dengan pengukuran terhadap pencapaian akademik sama ada di sekolah menengah, sekolah tinggi mahupun kolej. Willhite (1990) yang membuat kajian ke atas 184 pelajar kolej yang mengambil jurusan psikologi telah menyokong kajian Thomas. Beliau mendapati pembolehubah yang digunakan iaitu efikasi sendiri mempunyai hubungan dengan pencapaian pelajar. Lee dan Bobko (1994) dalam kajian mereka telah membuat perbandingan lima jenis pengukuran yang biasa digunakan untuk mengukur efikasi sendiri dan hubungannya dengan pencapaian prestasi. Dapatan kajian menunjukkan kesemua jenis pengukuran tersebut mempunyai hubungkait yang tinggi dengan matlamat dan prestasi pencapaian. Bagi Chemers, Hu dan Garcia (2001) mendapati bahawa efikasi sendiri dan keyakinan terhadap sesuatu mempunyai hubungan yang kuat dengan prestasi akademik.



2.8 Kemahiran belajar

Enam aspek kemahiran belajar yang dikaji iaitu kemahiran mengurus masa, kemahiran membaca, kemahiran mencatat nota, kemahiran membuat rujukan, kemahiran mendengar dan kemahiran menghadapi peperiksaan yang dijangka mempengaruhi prestasi akademik dan belajar seseorang (Othman, 2003; Jamidin, *et al.*, 1995). Kemahiran mengurus masa adalah cara menggunakan masa dengan betul. Kemahiran membaca adalah proses berfikir yang melibatkan pemikiran berkaitan dengan perkara tersurat, tersirat dan mengaplikasikan maklumat baru ke dalam situasi baru. Kemahiran menulis nota adalah merekod isi-isi penting atau maklumat yang diperoleh melalui kuliah, daripada buku ataupun daripada sumber lain. Kemahiran membuat rujukan adalah membaca atau mencari bahan rujukan tambahan untuk mendapatkan maklumat dan kemahiran mendengar adalah aktiviti mendengar dan menyimpan maklumat yang diterima dengan maklumat yang sedia ada dalam ingatan. Kemahiran menghadapi peperiksaan adalah mengetahui cara menghadapi dan bersedia untuk peperiksaan.

Kajian yang dilakukan oleh James, Chris dan Michael iaitu berkaitan dengan kemahiran belajar, membabitkan 88 subjek yang terdiri daripada 70 orang perempuan dan 18 orang lelaki. Dapatan menunjukkan terdapat perhubungan antara kejayaan pelajar dengan kemahiran belajar. Kajian ini berkait dengan usaha menggalakkan kejayaan dalam kalangan pelajar yang belum berijazah serta cabaran pengajaran, strategi respons dan kemahiran belajar. Kajian ini menggunakan instrumen yang mengandungi lima bahagian iaitu maklumat demografi, kemahiran belajar, cabaran-cabaran kejayaan pelajar dan reaksi pelajar terhadap cabaran tersebut. Hasil kajian menggunakan nilai min dan sisihan piawai. Bagi kemahiran belajar yang dipecahkan kepada 14 bahagian menunjukkan bahawa pembelajaran di rumah mempunyai nilai min yang tinggi iaitu min=5.19 berbanding kemahiran belajar yang lain seperti belajar bersendirian (min=5.09), perbincangan kumpulan (min=3.82), mengunjungi perpustakaan (min=2.58) dan belajar dalam kumpulan kecil (min=2.45).

2.8.1 Kemahiran menulis nota

Menulis nota merupakan aktiviti yang sangat penting kepada pelajar terutamanya mereka yang melanjutkan pelajaran di pusat pengajian tinggi. Kemahiran mencatat nota yang efektif penting dalam proses pembelajaran di universiti kerana kuliah yang disampaikan oleh pensyarah merupakan sumber maklumat paling utama bagi para pelajar.

Teknik pengambilan nota boleh atau perlu dipelajari (Ibrahim, 1992). Kemahiran menulis nota yang betul amat diperlukan bagi sistem pembelajaran di universiti yang memerlukan daya usaha pelajar sendiri. Pelajar perlu menggunakan kemahiran menulis nota yang betul sambil mendengar penerangan pensyarah. Selain itu, Munji (1987) juga mengatakan nota pelajaran di universiti tidak hanya terhad kepada nota kuliah yang diberi oleh pensyarah sahaja. Maklumat tambahan juga boleh didapati daripada buku rujukan yang lain, jurnal ataupun rencana surat khabar. Oleh itu, pelajar perlu mengamalkan cara penyimpanan nota yang bersistematik untuk memudahkan diri sendiri semasa mengulangkaji. Kesimpulannya, mencatat nota merupakan elemen penting yang dapat membantu pelajar belajar dengan lebih baik dan memperoleh maklumat yang berguna ketika pembelajaran. Justeru itu, elemen-elemen mencatat nota seperti menggunakan singkatan perkataan serta lambang-lambang tertentu akan memudahkan proses pembelajaran seterusnya memudahkan pemahaman maklumat.

2.8.2 Kemahiran membuat rujukan

Pelajar perlu membiasakan diri berada di dalam perpustakaan untuk mencari maklumat yang diperlukan. Menurut Awang (1996), kebanyakan pelajar berasa malu dan masih kurang mahir untuk menggunakan perpustakaan. Siais (1991) menyatakan, kemahiran membuat rujukan di perpustakaan adalah kemahiran pembelajaran yang sangat penting dan perlu dikuasai oleh semua pelajar. Ini adalah

disebabkan pelajar tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada nota kuliah yang diberikan oleh pensyarah sahaja. Dengan mempunyai kemahiran membuat rujukan, pelajar akan lebih menguasai dan mempunyai kefahaman yang lebih mendalam tentang sesuatu mata pelajaran yang dibincangkan. Pelajar perlulah rajin bertanya kepada perpustakaan sekiranya menghadapi sebarang masalah semasa menggunakan perpustakaan dan memberi tunjuk ajar kepada pelajar supaya dapat mencari maklumat dan bahan yang dikehendaki.

2.8.3 Kemahiran menghadapi peperiksaan

Kebanyakan pelajar yang gagal dalam peperiksaan adalah kerana tidak mempunyai perancangan yang rapi semasa awal semester lagi. Munji (1987) mendapati 74.3% daripada pelajar di dalam kajiannya mengaku bahawa mereka akan mengulangkaji pada malam sebelum peperiksaan atau belajar pada saat-saat akhir. Keadaan ini akan menimbulkan ketegangan yang akan mengurangkan kecekapan pelajar untuk menjawab soalan peperiksaan.

Satu kesilapan besar yang sering dilakukan oleh kebanyakan pelajar adalah mereka tidak melihat balik atau mengulangkaji nota yang dicatat selepas kuliah (Pfeirer dan Ogloff, 1991). Pelajar hanya akan mengulangkaji semula menjelang saat akhir peperiksaan. Kasan (1994) mengatakan bahawa selalu mengulang kaji dan membuat latihan akan menguatkan lagi kefahaman dan ingatan terhadap mata pelajaran yang dipelajari. Oleh itu, sekiranya seseorang pelajar itu kerap mengulangkaji dan membaca semula nota-nota kelas maka peluang untuk mereka menunjukkan persembahan yang baik dalam peperiksaan adalah tinggi.



RUJUKAN

- Adam, Z. & Alan, S. (2012). ASP program effects on self-efficacy and study skills changes in students. Western Carolina University.
- Alias, M. & Mohd. Hafir, N. A. H. (2009). The relationship between academic self-confidence and cognitive performance among engineering students. *Proc. of the Research in Engineering Education Symposium*. Palm Cove. QLD. pp. 1-6.
- Awang, A. G. (1996). Kemahiran belajar di institusi pengajian tinggi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bandura, A. & Cervone, D. (1983). Self-evaluative and self-efficacy mechanisms governing the motivational effects of goal systems. *Journal of Personality and Social Psychology*, 45, 586-598.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review*, 84 (2), 191-215.
- Bandura, A. (1986). Human agency in social cognitive theory. *American Psychologist*, 44 (9), 1175-1184.
- Bandura, A. (1986). *Social Foundations of Thought and Action*. Englewood Cliffs. NJ: Prentice Hall.
- Bandura, A. (1993). Perceived self-efficacy in cognitive development and functioning. *Educational Psychologist*. 28(2): 117-148.
- Bandura, A. (1995). *Self-efficacy in changing societies*. New York, NY: Cambridge University Press.
- Bandura, A. (1997). *Self-Efficacy: The Exercise of Control*. New York: W.H. Freeman.



- Berita Harian (2012). Perkembangan kejuruteraan di Malaysia. Dicapai pada November 20, 2012, dari <http://blog.mohe.gov.my/2012/10/perkembangan-kejuruteraan-di-malaysia.html>
- Betz, N. & Gail, H. (1981). The relationship of career-related self-efficacy expectations to perceived career options in college women and men. *Journal of Counseling Psychology*, 28, 399-410.
- Betz, N. E. (2000). Self-efficacy as a basis for career assessment. *Journal of Career Assessment*. 8(3): 205-219.
- Betz, N. E., & Hackett, G. (1981). The relationship of career-related self-efficacy expectations to perceived career options in college women and men. *Journal of Counseling Psychology*.
- Betz, N. E., & Hackett, G. (1988). Application of self-efficacy theory to understanding career choice behavior. *Journal of Social and Clinical Psychology*. 4: 279-289.
- Blake, J.A & Champion, D.J. (1976). *Method And Issues In Social Research*. New York: John Wiley And Sons.
- Brenna, M. W. (2011). The impact of study skills courses on academic self-efficacy.
- Bruch, M., Chesser, E. S. & Meyer, V. (1989). The role of evaluative self-schemata in cognitive processing and performance: The impact on self-efficacy, self-evaluation and task outcome. *Scandinavian Journal of Behaviour Therapy*, 18, 71-84.
- Chen, J. C., Samuel, O-O, Devdas, P. (2012). A study of female academic performance in mechanical engineering.
- Chemers, Martin M., Li-tze Hu, and Ben F. Garcia (2001). Academic self-efficacy and first-year college student performance and adjustment. *Journal of Educational Psychology*, XLIII, 55–64.
- Enochs, L., & Riggs, I. (1990). Further development of an elementary science teaching efficacy belief instrument: A preservice elementary scale. *School Science and Mathematics*, 90, 694-706.
- Gibson, S. & Dembo, M. H. (1984). Teacher efficacy: a construct validation. *Journal of Educational Psychology*, 76 (4), 569–582.



- Haycock, L. A. & mc Carthy, P. (1998). Procrastination in college students: The role of self-Efficacy and Anxiety. *Journal of Counseling and Development*. 76(30), pp317-324.
- Hu, S. (2003). Teaching Chinese to English background primary students Vol 3, bil 1, Flinders University.
- Huang C.L. (2003). Self-efficacy in the Prediction of Academic Performance of Engineering Students. *Proceeding of the 2003 ASEE Gulf-Southwest Annual Conference The University of Texas at Arlington. American Society for Engineering Education*.
- Hutchison, M. A., Follman, D. K. & Bodner, G. M. (2006). Factors Influencing the Self-Efficacy Beliefs of First-Year Engineering Students. *Journal of Engineering Education*, 39-47.
- Idrus, H., Salleh, R. (2008). Perceived self-efficacy of Malaysian ESL engineering and technology students on their speaking ability and in pedagogical implication. *The english Teacher*, vol xxxviii: 61 – 75.
- Multon, Karen D., Steven D., and Lent, Robert, W. (1991). Relation of self-efficacy beliefs to academic outcomes: A meta-analytic investigation. *Journal of Counseling Psychology*, 38, 30-38.
- Keffe, J. (1987). Learning styles theory and practice. Reston: National Association of Secondary Schools Principals.
- Landry, C. C. (2003). Self-Efficacy, motivation, and outcome expectation correlates of college students' intention certainty. Louisiana State University and Agricultural and Mechanical College. Tesis Ph.D.
- Lee, C. & Bobko, P. (1994). Self-efficacy beliefs: Comparison of five measures. *Journal of Applied Psychology*. 79(3), pp 364-369.
- Lent, R. W., Brown, S. D., & Larkin, K. C. (1986). Self-efficacy in the prediction of academic performance and perceived career options. *Journal of Counseling Psychology*, 33, 265-269.
- Mace, C.A. (1976). The psychology of study. England: Peguin Books Ltd.
- Mahyuddin, R., Elias, H., Loh, S. C., Muhamad, M. F., Noordin, N., & Chong, M. A., (2006). The relationship between students' self efficacy and their English language achievement. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 21, 61-71.



- Marra, R. M. & Bogue, B. (2006). Women Engineering Students' Self-Efficacy – A Longitudinal Multi-Institution Study. *Proceeding of The 2006 WEPAN Conference*.
- Marra, R. M., Rodges, K. A., Shen, D., & Bogue, B. (2009). Women Engineering Students and Self-Efficacy: A Multi-Year, Multi-Institution Study of Women Engineering Students Self-Efficacy. *Journal of Engineering Education*, 27-38.
- Mohd. Taha, R., Halid, S. & Nasbah, N. N. (2011). Pelajar wanita juga minat bidang teknikal. Dicapai pada Disember 20, 2012, dari <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Pelajarwanitajugaminatbidangteknikal/Article>
- O' Hare, S. (1995). Freshmen women engineering. Comparison of their backgrounds, abilities, values, and goals, with science and humanities majors. *Journal of women and minorities in Science and Engineering*, 2, 33 – 47.
- Pajares, F. (1996). Self-efficacy beliefs in academic settings. *Review of Educational Research*, 66 (4), 543-578.
- Pajares, F. (1997). Current Directions In Self-efficacy Research. dlm. M. Maehr & P. R. Pallier, Gerry. (2003). Gender differences in the self-assessment of accuracy on cognitive tasks. *Sex Roles: A Journal of Research*, 48, 5-6, p265-276.
- Pfeifer, J.E. & Ogloff, J.R.P. (1991). Making The Grade: Strategies For Succeeding At University. Canada: Department Of Psychology, Simon Fraser University, Burnaby.
- Pintrich, P. R., & De Groot, E. V. (1990). Motivational and self-regulated learning components of classroom academic performance. *Journal of Educational Psychology*, 82 (1), 33-40.
- Pintrich, P. R. & Schunk, D. H. (1966). *Motivation In Education; Theory Research And Applications*. New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- Saunders, J., Davis, L., Williams, T., Williams, James, H. (2004). Gender differences in self-perceptions and academic outcomes: A study of African American high school students. *Journal of youth and adolescence*. 33, 1, p81.
- Schunk, D. H. (1989). Self-efficacy and achievement behaviors. *Educational Psychology Review*, 1, 173-208.



- Schunk, D.H. (1991). Self-efficacy and academic motivation. *Educational Psychologist*, 26, (3&4), 207-231.
- Schwarzer, R. (1992). Perceived Self-Efficacy. National Cancer Institute, 1-33.
- Smith, S. M. (2002). The role of social cognitive career theory in information technology based academic performance. *Information Technology, Learning, and Performance Journal*, Vol. 20, No. 2.
- Van der Bijl, J. J., & Shortridge-Baggett, L. M. (2002). The theory and measurement of the self-efficacy construct. In E. A. Lentz & L. M. Shortridge-Baggett (Eds.), *Self-efficacy in nursing: Research and measurement perspectives* (pp. 9-28). New York.
- Vrugt, A. J., Langereis, M. P., & Hoogstraten, J. (1997). Academic self-efficacy and malleability of relevant capabilities as predictors of exam performance. *The Journal of Experimental Education*, 66, pp 61–72.
- Wan Zaharudin, W. H. (2003). *Efikasi sendiri dan masalah di kalangan pelajar cacat penglihatan*. Universiti Putra Malaysia. Tesis Sarjana Pendidikan.
- Weinberg, R. S. (1985). Relationship between self-efficacy and cognitive strategies in enhancing endurance performance. *International Journal of Sport Psychology*, Vol 17(4), Dec 1986, 280-292.
- Winter, J. C. F. & Dodou, D. (2011). Predicting academic performance in engineering using high school exam scores. *International Journal of Engineering Education* Vol. 27, No. 6, pp. 1343–1351
- Yount, R. (2006). Chapter 7: Populations and sampling. Dicapai pada Desember 19, 2012 dari http://www.napce.org/documents/research-design-yount/07_Sampling_4th.pdf
- Zimmerman, B. J. (1995). Self-efficacy and educational development. In A. Bandura (Ed.), *Self-efficacy in changing societies* (pp. 202-231). New York, NY: Cambridge University Press.
- Zimmerman, B. J., Bandura, A. & Martinez-Pons, M. (1992). Selfmotivation for academic attainment: The role of self-efficacy beliefs and personal goal setting. *American Educational Research Journal*, 29, 663-676.
- Zimmerman, B.J., & Schunk, D.H. (1989). *Self-regulated learning and academic achievement: Theory, Research, and Practice*. New York: Springer.

